

Konsep BCA wajar diamalkan dalam Umno — Datuk Harun

PASIR PUTIH, Jumaat — Datuk Haji Harun Idris menegaskan perlunya konsep bersih, cekap dan amanah (BCA) yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diamalkan dalam Umno di semua peringkat untuk dicontohi oleh rakyat seluruhnya.

Naib Presiden Umno Malaysia itu berkata, konsep BCA dilahirkan oleh Umno sendiri dan telah diterima oleh parti-parti anggota Barisan Nasional.

Katanya, wajarlah semua peringkat pemimpin dan ahli Umno mengamalkan dan memeliharanya.

Katanya lagi, "Kita sama-sama memeriksa diri kita apa sudahkan kita mengamalkan konsep BCA ini.

"Kita semua tahu ia dilaksanakan di semua peringkat jabatan kerajaan dan semua golongan rakyat."

Berucap merasmikan mesyuarat per-

wakilan Umno Bahagian Pasir Putih, di sini hari ini, beliau menyatakan, sebelum mengkritik pegawai kerajaan, ahli-ahli Umno sendiri perlu menyemak diri sendiri sama ada sudahkan kita mengamalkan konsep itu.

Dalam hal ini, Datuk Haji Harun memberi contoh, dalam sebuah kampung yang penduduknya berjumlah kira-kira 600 orang termasuk ayam, itik dan kambing.

Tetapi bila mesyuarat pemilihan pucuk pimpinan Umno cawangan itu, jumlah ahlinya seramai 1,200.

Kalau semua golongan pemimpin dan ahli Umno peringkat cawangan, bahagian dan negeri dapat mengamalkan konsep BCA ini, perkara-perkara seperti ini tidak akan berleluasa, ujarnya.

Lanya mestilah disertai oleh semua ahli parti untuk dicontohi rakyat seluruhnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia